



- 1. PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
C.2-3 EB.4 (\$1,450 - \$2,620 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = 3**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik / Kejuruteraan Komunikasi / Kejuruteraan Sistem Komputer (*Information Techology*) / Kejuruteraan Elektronik atau bidang bersesuaian atau kelulusan yang sebanding dalam bidang yang sama.

Kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang sama adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Juruteknik Pemeliharaan Rendah / Pelatih Teknik atau jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.4 / D.3 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 8 tahun.



**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTEKNIK PEMELIHARAAN:**

1. Bertanggungjawab secara langsung kepada Juruteknik Kanan atau Juruteknik Pemeliharaan.
2. Membaik pulih dan memelihara peralatan-peralatan dan kelengkapan teknikal di bahagian-bahagian yang berkenaan dimana mereka ditempatkan seperti berikut:-
  - i) Bahagian Pemancaran dan Satelit
  - ii) Bahagian Perkhidmatan Bangunan / Elektrikal
  - iii) Bahagian Pemeliharaan Peralatan Elektronik di Studio Tv / Radio, Rakaman Tv, Bilik Kawalan Utama Tv / Radio Unit Siaran Luar.
3. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.